

## TAHAP PENGETAHUAN PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR SEMESTER 1, SATU KAJIAN DI POLITEKNIK BANTING SELANGOR

**Nor Hayati Fatmi Talib**

Jabatan Pengajian Am,

Politeknik Banting Selangor

[norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my](mailto:norhayati.fatmi.poli@1govuc.gov.my)

**Adibah Hasanah Abd Halim**

Jabatan Pengajian Am,

Politeknik Banting Selangor

[adibah@polibanting.edu.my](mailto:adibah@polibanting.edu.my)

**Bani Hidayat Mohd Shafie**

Jabatan Pedagogi Pendidikan Islam,

IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi, Selangor

[bani\\_3738@yahoo.com](mailto:bani_3738@yahoo.com)

### Article Progress

Received: 3 April 2018

Revised: 12 June 2018

Accepted: 19 June 2018

### Abstrak

Pelajar yang memasuki sistem politeknik adalah pelajar yang telah melalui pendidikan formal di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pelajar ini diberikan banyak pendedahan terhadap Pendidikan Islam termasuk KAFA (Kursus Asas Fardhu Ain). Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap pengetahuan Pendidikan Islam aspek Akidah, Syariat serta Muamalat dan penghayatan akhlak setelah melalui alam persekolahan selama 11 tahun. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan keseluruhan populasi pelajar semester 1 seramai 104 orang. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik Ab Halim et al. (2011) dan dianalisis menggunakan SPSS 18.0 secara deskriptif dan inferensi. Kajian mendapati tahap kesemua aspek yang dikaji adalah tinggi iaitu Akidah pada skor min 4.60 (sp=0.28), Syariat pada skor min 4.41 (sp=0.38) dan aspek Muamalat pada skor min 4.31 (sp=0.38). Tahap penghayatan akhlak juga secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu pada skor Min 4.29 (sp=0.40). Kesemua aspek yang dikaji juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghayatan akhlak iaitu hubungan yang kuat bagi aspek Akidah  $r=.578$  dan Muamalat  $r=.528$ , manakala Syariat mempunyai hubungan yang sederhana kuat iaitu  $r=.437$ . Kajian menunjukkan tahap pengetahuan yang baik dalam kalangan pelajar dan kesemua aspek yang dikaji dan berkait langsung dengan penghayatan akhlak pelajar. Disarankan agar pengetahuan Pendidikan Islam digarapkan lagi dalam sistem pendidikan di politeknik dengan menekankan aspek penghayatan serta menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan. Ini sekaligus lebih memantapkan penghayatan akhlak kerana ianya saling berkait.

**Katakunci:** Pengetahuan, Penghayatan, Pendidikan Islam & Akhlak

### Abstract

Students who enter polytechnics system are students who have completed their formal education at primary and secondary level. These students have been exposed to Islamic education including KAFA (Fardhu Ain Basic Course). This study aims to look at Islamic Education knowledge level in the aspect of Faith, Shari'a, Muamalat and appreciation of morality through 11 years of schooling. This study was carried out involving a total of 104 students in the first semester. This study used questionnaire by Ab Halim et al. (2011) and analyzed using SPSS 18.0 in a descriptive and inferential manner. This study discovers that the extent to all aspects studies is high, namely Faith at the mean score of 4.31 (sp=0.28), Shari'a at the mean score of 4.41 (sp=0.38) and Muamalat at the mean score of 4.31 (sp=0.38). The degree of morality appreciation is also at a high level at the mean score of 4.29 (sp=0.40). All aspects being studied also has a significant relationship with the appreciation of morality which is a strong relation to the aspect of Faith  $r=.578$  and Muamalat  $r=.528$ , meanwhile Shari'a has a moderate strong relation  $r=.437$ . This study shows a good level of knowledge among the students and all aspects studied and directly related to students' behavioral appreciation. It is recommended that the knowledge of education in Islam can be enhanced in education system of Polytechnics by emphasizing the aspect of appreciation and using it as a living practice. This is at the same time enhancing morality as it is interconnected.

**Keywords:** Knowledge, Appreciation, Islamic Education, Morality

## 1. PENDAHULUAN

Pendidikan Islam dilihat sebagai wadah penting dalam usaha pembentukan watak dan pemikiran para pelajar berdasarkan nilai-nilai Islam (Baharom et al., 2008). Melalui pendidikan Islam, pelajar dibentuk menjadi Muslim yang berkembang secara menyeluruh dan berupaya menyumbangkan ilmu, kemahiran, masa dan tenaga mereka demi keluarga, masyarakat dan negara. Pembentukan akhlak mulia dalam kalangan pelajar juga menjadi matlamat yang ingin dicapai dalam pendidikan negara seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Menurut Muhamad Suhaimi et al. (2011), matlamat FPK adalah untuk melahirkan insan berketerampilan dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. FPK juga berhasrat untuk membentuk individu yang memiliki sahsiah seimbang dan sepadu, berdisiplin dan berakhhlak. Hasrat tersebut selari dengan matlamat FPI, iaitu untuk melahirkan individu yang beriman, berilmu, beramal dan berakhhlak mulia (Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini, 2013).

Pembentukan identiti pelajar boleh berlaku secara formal iaitu melalui aktiviti terancang di sekolah dan institusi pendidikan ataupun secara tidak formal melalui interaksi yang berlaku di rumah, bersama rakan mahupun bersama masyarakat (Baharom et al., 2008). Guru memainkan peranan yang penting serta mempunyai pengaruh yang besar dalam menerapkan nilai-nilai murni, mendidik pelajar supaya berakhhlak, bermoral dan mengamalkan budaya hidup yang baik (Rohana et al., 2013). Muhammad Suhaimi & Mohd Yusof (2014) menyatakan bahawa pelajar akan belajar, diajar, dididik dan diasuh dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang secukupnya di sekolah mampu berinteraksi secara berkesan dengan masyarakat dan menjalani kehidupan sebagai seorang insan yang bertanggungjawab. Hal ini kerana, pendidikan itu sendiri adalah usaha membentuk tingkah laku individu menuju kesempurnaan akhlak bagi menyiapkan manusia supaya dapat menguruskan kehidupan yang sejahtera di dunia dan diakhirat. Oleh yang demikian, Kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah telah disusun dengan memberi penekanan terhadap kemahiran menguasai al-Quran, akidah, ibadah, hadis, jawi, sirah Rasulullah S.A.W dan Tamadun Islam serta akhlak.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Keruntuhan akhlak remaja masa kini semakin membimbangkan pihak bertanggungjawab. Di Malaysia, persoalan berkenaan akhlak sangat dititikberatkan terutamanya dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bagi merealisasikan hasrat ini, pelajar Muslim diwajibkan mengikuti kursus Pendidikan Islam di alam persekolahan. Kurikulum Pendidikan Islam pula sentiasa disemak dan ditambahbaik bagi memastikan keberkesanan matlamat untuk melahirkan pelajar yang mampu mengharungi cabaran semasa serta dapat mengawal diri daripada gejala negatif menerusi keteguhan iman dan akhlak yang jitu (Asmawati Bte Suhid, 2005). Namun hasil kajian yang dijalankan oleh Nurzatil Ismah et al., (2015) mendapati masalah sosial pelajar bertambah setiap tahun dan negeri Selangor merupakan antara negeri yang mencatatkan peningkatan masalah sosial yang tertinggi di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Azizah et al., (2015) juga menyatakan masyarakat kini berhadapan dengan krisis akhlak yang serius merangkumi perbuatan dan tingkahlaku tidak bermoral seperti zina dan sumbang mahrah yang menyebabkan lahirnya anak luar nikah.

Walaubagaimanapun, daripada hasil kajian Mohd Khairi dan Mohamad Khairi (2016) di politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah mendapati tahap kefahaman dan pengamalan pelajar tentang ajaran Islam yang meliputi aspek akhlak berada pada tahap yang tertinggi. Namun sebilangan pelajar tidak mengamalkan perkara yang telah mereka fahami terutama perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Kajian yang dilakukan oleh Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013) berkenaan pengamalan ajaran Islam yang difokuskan dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh juga berada pada tahap yang tinggi bagi setiap

aspek yang dikaji. Dalam aspek akidah 100 peratus berada pada tahap yang tinggi. Dalam aspek ibadah pula 94 peratus berada pada tahap tinggi dan 6 peratus lagi berada pada tahap yang sederhana. Dalam aspek akhlak 96 peratus berada pada tahap yang tinggi dan 4 peratus lagi berada pada tahap yang sederhana.

Sehubungan itu, timbul persoalan sejauhmanakah pula tahap pengetahuan Pendidikan Islam dan penghayatan pelajar di Politeknik Banting Selangor. Justeru, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan Pendidikan Islam aspek Akidah, Syariat serta Muamalat dan juga penghayatan akhlak pelajar semester satu setelah melalui alam persekolahan selama 11 tahun.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti sejauhmana tahap pengetahuan Islam pelajar aspek Akidah, Syariat dan Muamalat.
2. Mengenalpasti sejauhmana tahap penghayatan akhlak pelajar.
3. Mengenaplasti tahap hubungan pengetahuan Islam pelajar terhadap penghayatan akhlak.

### 4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tahap pengetahuan pelajar aspek Pendidikan Islam dan tahap penghayatan akhlak pelajar untuk dijadikan sandaran dalam pelaksanaan kurikulum teras di Politeknik dan pelaksanaan aktiviti bersifat keagamaan sepanjang pelajar berada dalam sistem pengajian di Politeknik Banting Selangor.

### 5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) yang dilaksanakan di Politeknik Banting, Selangor. Kajian menggunakan instrumen soal selidik Ab Halim et al. (2011). Bahagian A merupakan demografi sampel kajian yang terdiri daripada jantina, program pengajian, kemudahan komunikasi dan pemilikan akaun laman sosial. Bahagian B merupakan tahap pengetahuan Islam berdasarkan sukatan pelajar Pendidikan Islam SPM. Bahagian B kenyataan adalah melibatkan 6 skala jawapan seperti berikut:

Nilai	Skala
0	Tidak Tahu (TT)
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

Bahagian C pula berkaitan dengan tahap penghayatan akhlak melibatkan 5 skala jawapan seperti berikut:

Nilai	Skala
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

Tahap kebolehpercayaan instrumen adalah antara 0.659 sehingga 0.906 seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Aspek	Bil Item	Nilai Alpha
Tahap Pengetahuan Islam	51	0.857
Akidah	19	0.746
Syariat	18	0.692
Muamalat & Sirah	14	0.659
Tahap Penghayatan Akhlak	42	0.906

Kajian ini melibatkan kesemua 104 orang pelajar semester satu di Politeknik Banting Selangor yang merupakan sebahagian daripada kajian besar yang dijalankan terhadap semua pelajar Islam semester satu di semua 33 buah politeknik. Kumpulan pelajar ini merupakan pelajar yang telah menamatkan pengajian peringkat SPM. Item negatif dalam soal selidik telah dikodkan semula sebelum dianalisis tetapi mengekalkan kenyataan item dalam paparan dapatan sebagaimana dalam soal selidik.

Data yang diperoleh melalui instrumen soal selidik diproses menggunakan perisian SPSS versi 18.0 secara deskriptif (skor Min dan sisihan piawai) untuk melihat tahap pengetahuan Pendidikan Islam dan secara inferensi (Korelasi Pearson) untuk melihat hubungan antara aspek yang dikaji terhadap penghayatan akhlak pelajar. Kajian ini berfokuskan input dari persekolahan pelajar ketika di Sekolah Menengah. Soal selidik diedarkan ketika sebulan pertama berada dalam sistem pengajian di Politeknik Banting Selangor. Skala interpretasi skor min adalah mengikut saranan Sanger (2007) telah membahagikan dapatan statistik deskriptif kepada tiga kategori seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
0.00 – 1.66	Rendah
1.67 – 3.33	Sederhana
3.34 – 5.00	Tinggi

Sumber: Sanger (2007)

Skala interpretasi data inferensi secara hubungan (Pearson) juga dibuat berdasarkan kepada tiga kategori sebagaimana saranan Cohen (1988) seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Skala Interpretasi Kadar Hubungan

Kadar Hubungan	Interpretasi
r=0.10 hingga 0.29	Kecil
r=0.30 hingga 0.49	Sederhana
r=0.50 hingga 1.0	Kuat

Sumber Cohen (1988)

## 6. DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian dipersembahkan berdasarkan susunan persoalan kajian bermula dengan latar belakang responden, tahap pengetahuan Islam pelajar (Akidah, Syariat dan muamalat) diikuti dengan tahap penghayatan akhlak secara deskriptif. Dapatan kemudianya dipaparkan inferensi untuk melihat hubungan aspek yang dikaji dengan penghayatan akhlak pelajar.

## 6.1 Latar Belakang Responden Kajian

Hasil analisis data menunjukkan taburan responden (populasi) yang terlibat dengan kajian ini adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah iaitu seramai 101 orang (97.1%) adalah pelajar lelaki dan 3 orang (2.9%) adalah pelajar perempuan. 67 orang pelajar (64.4%) adalah daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. 37 orang pelajar (35.6%) adalah daripada Jabatan Penyenggaraan Pesawat. Bidang pengajian kejuruteraan lebih diminati oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan menyumbang kepada ramainya bilangan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan.

Jadual 4: Latar Belakang Responden Kajian

Bil	Latar Belakang	N	%
1. Jantina	Lelaki	101	97.1
	Perempuan	3	2.9
2. Jabatan Pengajian	Jabatan Penyenggaraan Pesawat	37	35.6
	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	67	64.4

## 6.2 Tahap Pengetahuan Islam

Aspek tahap pengetahuan Islam pelajar yang difokus dalam kajian ini adalah merangkumi aspek Akidah, Syariat dan Muamalat yang diperincikan mengikut sub topik seperti berikut:

### Akidah

Dari aspek Akidah, 19 item soal selidik telah dianalisis, hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan Islam aspek Akidah berada pada tahap tinggi iaitu pada skor min 4.60 ( $sp=0.28$ ). 17 item berada pada tahap tinggi antara skor min 4.91 ( $sp=0.32$ ) bagi item B04 iaitu `Allah mengetahui setiap perkara yang kita lakukan' hingga 4.53 ( $sp=0.84$ ) bagi item B19 iaitu `Al-Quran menerangkan fakta-fakta saintifik'. 2 item berada pada tahap sederhana iaitu pada skor min 2.99 ( $sp=1.07$ ) bagi item B08 iaitu `Seorang Muslim percaya semua perbuatan baik atau buruk dilakukan TIDAK akan dicatat oleh malaikat' dan skor min 2.93 ( $sp=1.14$ ) bagi item B11 iaitu `Manusia TIDAK akan dibangkitkan semula di padang Mahsyar untuk dihisab segala amalan mereka di dunia'. Perincian dapatan adalah sebagaimana Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Tahap Pengetahuan Islam Akidah

Kod	Item	Kekerapan (N= 104)					Min	SP	Thp
		0	1	2	3	4			
B01	Akidah yang benar merangkumi keyakinan yang kuat terhadap kewujudan Allah SWT.			1		24	79	4.74	0.50 T
B02	Mengamalkan kepercayaan yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah adalah ciri-ciri akidah yang salah.		2	1	19	82	4.74	0.57	T
B03	Orang yang beriman kepada Allah meyakini kewujudan-Nya tanpa ragu-ragu.				12	92	4.88	0.32	T
B04	Allah mengetahui setiap perkara yang kita lakukan.			1	7	96	4.91	0.32	T
B05	Rasul adalah seorang lelaki yang diutuskan oleh Allah untuk menyampaikan syariat kepada umat manusia.		1		14	89	4.84	0.44	T
B06	Seorang Muslim perlu melafazkan ucapan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW setiap kali mendengar namanya disebut.			1	19	84	4.80	0.43	T
B07	Sifat Malaikat yang paling utama adalah ketaatan mutlak kepada Allah SWT.				17	87	4.84	0.37	T

B08	Seorang Muslim percaya semua perbuatan baik atau buruk dilakukan TIDAK akan dicatat oleh malaikat.	8	3	1	64	26	2	2.99	1.07	S
B09	Zabur, Taurat, Injil dan al-Quran adalah kitab-kitab suci yang diwahyukan oleh Allah kepada rasul-rasulNya.			1	1	11	91	4.85	0.46	T
B10	Beriman dengan al-Quran bermaksud meyakini isi kandungannya tanpa ragu-ragu.				1	8	95	4.90	0.33	T
B11	Manusia TIDAK akan dibangkitkan semula di padang Mahsyar untuk dihisab segala amalan mereka di dunia.	10	3		64	25	2	2.93	1.14	S
B12	Yakin pada hari akhirat dapat membina akhlak yang baik.			1	6	19	78	4.67	0.63	T
B13	Allah SWT menentukan segala yang ada dan berlaku di alam ini.				1	11	92	4.88	0.36	T
B14	Keimanan kepada qadak dan qadar adalah pendorong kepada sifat tidak berputus asa.	2		2	20	78	4.62	0.88	T	
B19	Al-Quran menerangkan fakta-fakta saintifik.	1		3	4	27	69	4.53	0.84	T
B34	Rasulullah SAW adalah contoh terbaik untuk manusia.				4	100	4.96	0.19	T	
B36	Beriman kepada Rasulullah SAW adalah satu dari tuntutan dalam Islam.	2			1	14	87	4.75	0.77	T
B42	Pengutusan Rasulullah SAW sebagai pembimbing akhlak manusia adalah selari dengan tuntutan fitrah manusia.				2	20	82	4.77	0.47	T
B43	Orang yang beriman sentiasa redha dan bersyukur dengan ketentuan Allah SWT.				2	11	91	4.86	0.40	T
<b>JUMLAH</b>							<b>4.60</b>	<b>0.28</b>		<b>T</b>

SP: Sisihan Piawai S: Sederhana T: Tinggi

## Syariat

Dari aspek Syariat, 17 item soal selidik telah dianalisis, hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan Islam aspek Syariat berada pada tahap tinggi iaitu pada skor min 4.41 (sp=0.38). 16 item berada pada tahap tinggi antara skor Min 4.88 (sp=0.38) bagi item B28 iaitu `Puasa bermaksud menahan diri dari melakukan perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari disertai dengan niat' hingga skor Min 3.72 (sp=1.49) bagi item B31 iaitu `Orang yang sakit dan tidak ada harapan untuk sembuh TIDAK PERLU mengerjakan ibadah haji'. Terdapat 1 item berada pada tahap sederhana iaitu item B15 pada skor Min 2.17 (sp=1.09) iaitu `Kita TIDAK perlu membaca al-Quran dengan bertajwid'. Dapatan terperinci adalah sebagaimana paparan dalam Jadual 6 di bawah;

Jadual 6: Tahap Pengetahuan Islam Syariat

Kod	Item	Kekerapan (N= 104)						Min	SP	Thp
		0	1	2	3	4	5			
B15	Kita TIDAK perlu membaca al-Quran dengan bertajwid.	8	4	11	58	21	2	2.17	1.09	S
B16	Terjemahan membantu memahami maksud ayat-ayat al-Quran				3	14	87	4.81	0.46	T
B17	Surah-surah lazim adalah penting untuk dihafaz	1				29	74	4.67	0.65	T
B20	Mempelajari hadis adalah suatu kewajipan.	2	1	4	10	28	59	4.29	1.07	T
B22	Terjemahan hadis membantu memahami maksud ayat-ayat al-Quran	1			3	28	72	4.63	0.70	T

B23	Hadis bererti setiap ucapan, perbuatan dan pengakuan dan sifat-sifat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW.	1	2	1	22	78	4.66	0.75	T	
B24	Hadis merupakan sumber hukum yang kedua selepas al-Quran	2		4	19	79	4.64	0.84	T	
B25	Hadis Qudsi adalah wahyu Allah yang diungkapkan kembali oleh Rasulullah SAW.	17	3	1	3	24	56	3.75	1.85	T
B26	Rukhsah solat bermaksud kemudahan yang diberikan kepada orang yang bermusafir untuk melaksanakan solat.	1		6		20	77	4.59	0.89	T
B27	Solat Qasar dan Jamak adalah simbol penting menjelaskan kepentingan melaksanakan solat.	1		4	5	17	77	4.58	0.88	T
B28	Puasa bermaksud menahan diri dari melakukan perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari disertai dengan niat.			2	8	94	4.88	0.38	T	
B29	Puasa melatih manusia bersikap sabar menghadapi cabaran dan dugaan yang boleh mengurangkan pahala puasa.		1	2	13	88	4.81	0.50	T	
B30	Antara contoh puasa sunat adalah puasa pada hari Isnin dan Khamis.			4	21	79	4.72	0.53	T	
B31	Orang yang sakit dan tidak ada harapan untuk sembuh TIDAK PERLU mengerjakan ibadah haji.	8	1	11	14	28	42	3.72	1.49	T
B32	Seseorang yang hendak menjadi wakil haji (upah haji) hendaklah orang yang telah mengerjakan haji.	6		1	6	26	65	4.32	1.25	T
B33	Hukum sembelihan adalah wajib dengan tujuan dimakan dagingnya.	3		1	3	20	77	4.58	0.97	T
B46	Bekerja adalah amanah Allah SWT.	3			1	31	69	4.54	0.92	T
<b>JUMLAH</b>							<b>4.41</b>	<b>0.38</b>	<b>T</b>	

SP: Sisihan Piaawai S: Sederhana T: Tinggi

## Muamalat dan Sirah

Dari aspek Muamalat dan Sirah, 14 item soal selidik telah dianalisis, hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan Islam aspek Muamalat dan Sirah berada pada tahap tinggi iaitu pada skor min 4.31 (sp=0.38). 11 item berada pada tahap tinggi antara skor Min 4.86 (sp=0.38) bagi item B45 iaitu `Etika berpakaian dalam Islam adalah sebahagian daripada kaedah Islam untuk memelihara maruah manusia'. Skor Min tertinggi pada tahap tinggi adalah 4.51 (sp=1.16) bagi item B39 iaitu `Golongan Muhajirin adalah pengikut Rasulullah SAW yang berhijrah dari Mekah ke Madinah manakala golongan Ansar adalah terdiri dari penduduk asal Madinah yang telah memeluk Islam'. Terdapat 3 item berada pada tahap sederhana iaitu item B18 pada skor Min 2.84 (sp=1.18) iaitu `Al-Quran TIDAK menerangkan cara-cara hubungan sesama manusia'. Diikuti item B47 pada skor Min 2.83 (sp=1.18) iaitu `Membocorkan rahsia majikan adalah tindakan yang boleh dilakukan' dan item B48 pada skor Min 2.94 (sp=1.12) iaitu `Tamadun yang hebat adalah hasil dari usaha manusia yang mementingkan diri sendiri'. Dapatkan secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Tahap Pengetahuan Islam Muamalat dan Sirah

Kod	Item	Kekerapan (N= 104)					Min	SP	Thp
		0	1	2	3	4			
B18	Al-Quran TIDAK menerangkan cara-cara hubungan sesama manusia	10	4	7	58	22	3	2.84	S
B35	Masjid memainkan peranan penting dalam membina kecemerlangan umat Islam.				3	19	82	4.76	T

B37	Khalifah ialah orang yang memegang jawatan ketua negara Islam.	1	2	4	24	73	4.59	0.79	T	
B38	Khulafa' al-Rasyidin adalah ikutan terbaik selepas Rasulullah SAW.	1		1	27	75	4.67	0.66	T	
B39	Golongan Muhajirin adalah pengikut Rasulullah SAW yang berhijrah dari Mekah ke Madinah manakala golongan Ansar adalah terdiri dari penduduk asal Madinah yang telah memeluk Islam.	5	1	1	20	77	4.51	1.16	T	
B40	Persaudaraan adalah elemen penting dalam membentuk perpaduan dalam Islam.			1	14	89	4.85	0.39	T	
B41	Mengutamakan kepentingan agama dari kepentingan yang lain adalah asas kepada cara hidup Islam.		2	8	14	80	4.65	0.71	T	
B44	Seorang Islam yang bermaruah adalah yang mampu menolak pengaruh- pengaruh asing yang merosakkan.			1	15	88	4.84	0.40	T	
B45	Etika berpakaian dalam Islam adalah sebahagian daripada kaedah Islam untuk memelihara maruah manusia.			1	13	90	4.86	0.38	T	
B47	Membocorkan rahsia majikan adalah tindakan yang boleh dilakukan.	8	7	8	59	16	6	2.83	1.18	S
B48	Tamadun yang hebat adalah hasil dari usaha manusia yang mementingkan diri sendiri.	8	4	2	68	16	6	2.94	1.12	S
B49	Berbuat baik kepada jiran tetangga adalah kewajipan orang Islam.			1	28	75	4.71	0.48	T	
B50	Menghormati orang yang lebih tua adalah tuntutan Islam.			1	24	79	4.75	0.46	T	
B51	Memelihara hubungan baik dengan orang bukan Islam adalah tanggungjawab sebagai orang Islam.			1	39	64	4.61	0.51	T	
<b>JUMLAH</b>										<b>4.31</b> <b>0.38</b> <b>T</b>

SP: Sisihan Piawai S: Sederhana T: Tinggi

### 6.3 Tahap Penghayatan Akhlak

Hasil analisis 42 item tahap penghayatan akhlak pula mendapati secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu pada skor Min 4.29 (sp=0.40). Kesemua item berada pada tahap tinggi kecuali 5 item berada pada tahap sederhana. Skor Min tahap tinggi adalah antara 4.88 (sp=0.38) bagi item C24 iaitu `Saya berasa sedih apabila al-Quran dihina dan dibakar' sehingga kepada item C05 iaitu `Saya mendirikan solat hanya sekadar melengkapkan rutin harian' pada skor Min 3.70 (sp=1.10). Dapatkan secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Tahap Penghayatan Akhlak

<b>Kod</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan (N= 104)</b>					<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Thp.</b>
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>			
C01	Saya berfikir dan memerhati tanda-tanda kebesaran Allah pada diri dan alam pada setiap masa.		1	2	52	49	4.43	0.59	T
C02	Saya berdoa untuk mengharapkan kasih sayang Allah.				27	77	4.74	0.44	T
C03	Saya sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan kerana takut kepada Allah.			6	34	64	4.56	0.60	T
C04	Saya patuh kepada hukum Islam walaupun terpaksa meninggalkan perbuatan kegemaran saya.	1	1	8	38	56	4.41	0.75	T

C05	Saya mendirikan solat hanya sekadar melengkapkan rutin harian.	6	9	20	44	25	3.70	1.10	T
C06	Saya meninggalkan ajaran Islam apabila ia tidak sesuai dengan kemahuan saya.	5	8	4	48	39	4.04	1.08	T
C07	Saya percaya ada kuasa lain selain Allah yang boleh menyembuhkan penyakit manusia.	10	3	3	39	49	4.10	1.22	T
C08	Saya perlu melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dengan hati yang terbuka.				18	86	4.82	0.38	T
C09	Saya tidak melakukan perkara-perkara yang menghampiri zina.			14	30	60	4.44	0.72	T
C10	Saya mengucapkan salam apabila bertemu pensyarah.			2	41	61	4.56	0.54	T
C11	Saya mengucapkan salam apabila bertemu rakan-rakan.			6	44	54	4.46	0.61	T
C12	Saya suka beramal dengan sunnah nabi.			12	51	41	4.27	0.66	T
C13	Saya memelihara solat fardu lima waktu.	1		19	38	46	4.23	0.82	T
C14	Saya melakukan hubungan seks.	8	8	6	36	46	4.00	1.23	T
C15	Saya sentiasa memelihara pandangan saya dari melihat aurat wanita (bagi lelaki)/ aurat lelaki (bagi wanita).	3	7	29	29	36	3.84	1.06	T
C16	Saya sentiasa meyakini kewujudan malaikat.			2	21	81	4.76	0.47	T
C17	Saya percaya semua perbuatan baik atau buruk yang kita lakukan dicatat oleh malaikat yang ditugaskan oleh Allah.	2	1	4	8	89	4.74	0.75	T
C18	Saya mengambil sesuatu barang walaupun ia bukan milik saya.	8	8	15	30	43	3.88	1.25	T
C19	Saya bercakap tentang keaiban/keburukan orang lain tanpa pengetahuan teman berkenaan.	7	6	13	43	35	3.89	1.14	T
C20	Saya segera bertaubat jika melakukan dosa.	2	3	12	44	43	4.18	0.89	T
C21	Saya yakin tentang kewujudan syaitan.			3	31	70	4.64	0.54	T
C22	Saya yakin segala bisikan ke arah kejahatan datang dari syaitan.	1	2	7	27	67	4.51	0.79	T
C23	Membaca al-Quran dapat menenangkan hati saya.			4	10	90	4.83	0.47	T
C24	Saya berasa sedih apabila al-Quran dihina dan dibakar.			2	8	94	4.88	0.38	T
C25	Saya gemar mendengar lagu-lagu rentak terkini berbanding bacaan al-Quran.	10	12	36	27	19	3.32	1.18	S
C26	Kita boleh untuk TIDAK mengikut ajaran Al-Quran.	10	3	2	28	61	4.22	1.24	T
C27	Saya melakukan sesuatu urusan mengikut peraturan yang ada.	1	2	9	43	49	4.32	0.79	T
C28	Saya membeli pakaian atau makanan sekadar yang diperlukan.		1	12	36	55	4.39	0.73	T
C29	Saya mempertahankan prinsip agama walaupun menghadapi pelbagai ancaman.		2	5	34	63	4.52	0.68	T
C30	Saya TIDAK merasa kesal apabila meninggalkan solat.	9	6	10	38	41	3.92	1.23	T
C31	Kebahagiaan di dunia adalah matlamat hidup saya.	17	9	31	27	20	3.23	1.31	S
C32	Saya berfikir tentang pembalasan yang akan saya terima di akhirat.		2	1	34	67	4.60	0.62	T
C33	Saya TIDAK merasa apa-apa kesan dalam jiwa apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti tsunami.	10	6	23	34	31	3.67	1.23	S
C34	Saya mengajak rakan-rakan melakukan kebaikan.		1	7	41	55	4.44	0.67	T

C35	Saya takutkan azab Allah di dunia dan di akhirat		1	24	79	4.75	0.46	T
C36	Saya mencegah rakan-rakan dari melakukan perbuatan maksiat.		11	31	62	4.49	0.68	T
C37	Halangan dalam hidup tidak menghalang usaha saya untuk mencapai cita-cita.		4	28	72	4.65	0.55	T
C38	Saya mengingatkan diri saya bahawa segala yang berlaku ada hikmah dari Allah.		1	18	85	4.81	0.42	T
C39	Saya merasakan segala usaha yang gagal adalah sia-sia.	12	6	19	42	3.60	1.24	S
C40	Saya membalas cacian dengan senyuman dan doa.	1	1	15	34	4.32	0.83	T
C41	Saya menghormati kebolehan orang lain biar bagaimanapun pencapaian mereka.		4	37	63	4.57	0.57	T
C42	Saya merungut apabila ditimpa penyakit.	9	12	18	38	3.60	1.23	S
<b>JUMLAH</b>						<b>4.29</b>	<b>0.40</b>	<b>T</b>

SP: Sisihan Piawai S: Sederhana T: Tinggi

Item-item yang berada pada tahap sederhana pula dipersembahkan dalam turutan paling rendah kepada tinggi sebagaimana Jadual 8 di bawah. Skor Min tahap sederhana paling rendah adalah item C31 dengan skor Min 3.23 (sp=1.31) iaitu `Kebahagian di dunia adalah matlamat hidup saya' hingga kepada C33 dengan skor Min 3.67 (sp=1.23) iaitu `Saya TIDAK merasa apa-apa kesan dalam jiwa apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti tsunami'.

Jadual 9: Item-Item Yang Sederhana Berkaitan Tahap Penghayatan Akhlak

Kod	Item	Min	SP	Thp
C31	Kebahagiaan di dunia adalah matlamat hidup saya	3.23	1.31	S
C25	Saya gemar mendengar lagu-lagu rentak terkini berbanding bacaan al-Quran	3.32	1.18	S
C39	Saya merasakan segala usaha yang gagal adalah sia-sia.	3.60	1.24	S
C42	Saya merungut apabila ditimpa penyakit.	3.60	1.23	S
C33	Saya TIDAK merasa apa-apa kesan dalam jiwa apabila berlaku sesuatu bencana alam seperti tsunami.	3.67	1.23	S

SP: Sisihan Piawai S: Sederhana T: Tinggi

#### 6.4 Tahap Hubungan Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak

Hasil analisis hubungan secara korelasi Pearson berdasarkan saranan skala interpretasi Cohen (1988) menunjukkan hubungan antara aspek Akidah dan Penghayatan Akhlak adalah pada nilai  $r=0.578$ ,  $N=104$  dengan  $p=0.000<0.05$  iaitu tahap hubungan kuat. Begitu juga aspek Muamalat dan Sirah  $r=0.528$ ,  $N=104$  dengan  $p=0.000<0.05$  adalah pada tahap hubungan kuat. Dari Syariat pula mendapatkan hubungan dengan penghayatan akhlak adalah pada nilai  $r=0.437$ ,  $N=104$  dengan  $p=0.000<0.05$  iaitu tahap hubungan sederhana. Jadual 10 dan 11 memperincikan dapatan aspek tahap hubungan pengetahuan Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar.

Jadual 10: Data Deskriptif Min dan Sisihan Piawai

Aspek	Mean	Std. Deviation	N
Akidah	4.6027	0.28375	104
Penghayatan Akhlak	4.2946	0.40383	104
Syariat	4.2946	0.37888	104
Penghayatan Akhlak	4.4123	0.40383	104
Muamalat	7.2946	0.35041	104
Penghayatan Akhlak	4.3139	0.40383	104

Jadual 11: Hubungan Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak

		Akidah	Penghayatan Akhlak
Akidah	Pearson Correlation	1	.578**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N		104
Penghayatan Akhlak	Pearson Correlation	.578**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	104	
		Syariat	Penghayatan Akhlak
Syariat	Pearson Correlation	1	.437**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N		104
Penghayatan Akhlak	Pearson Correlation	.437**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	104	
		Muamalat & Sirah	Penghayatan Akhlak
Muamalat & Sirah	Pearson Correlation	1	.528**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N		104
Penghayatan Akhlak	Pearson Correlation	.528**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	104	

P<0.05: Aras signifikan

## 7. IMPLIKASI DAN RUMUSAN KAJIAN

Kajian mendapati tahap pengetahuan Islam aspek akidah paling dikuasai pelajar iaitu pada skor Min 4.60 ( $sp=0.28$ ) diikuti dengan aspek Syariat pada skor Min 4.41 ( $sp=0.38$ ) dan Muamalat dan Sirah pada skor min 4.31 ( $sp=0.38$ ). Kajian juga memperlihatkan beberapa aspek yang perlu diperhalusi semula oleh pelaksana kurikulum kerana belum dikuasai dengan baik oleh para pelajar dalam beberapa aspek dalam Akidah, Syariat dan Muamalat. Bagi aspek Akidah, dapatan tahap sederhana bagi 2 item aspek akidah memperlihatkan bahawa pelajar belum sepenuhnya jelas bahawa segala perbuatan baik ataupun buruk adalah dicatat oleh para malaikat dan akan diberikan balasan yang setimpal samada kebaikan atau keburukan. Dapatkan juga menunjukkan pelajar belum sepenuhnya yakin tentang kebangkitan semula manusia, kehidupan di mahsyar dan perhitungan amalan yang dilakukan semasa di dunia. Pelajar perlu dibantu agar berkeyakinan dengan jelas aspek Rukun Iman ini kerana Rukun Iman adalah asas utama keimanan dalam Islam. Bagi aspek Syariat didapati pelajar masih belum memahami sepenuhnya keperluan membaca al-Quran dengan bertajwid. Aspek Muamalat dan Sirah pula memperlihatkan pelajar kurang memahami bahawa al-Quran mengajar manusia bermuamalat, integriti dalam bekerja (rahsia majikan) dan kurang memahami pembangunan tamadun Islam. Kajian ini membantu pelaksana kurikulum untuk melihat semula pelaksanaan kurikulum yang dijalankan agar dapat membantu penguasaan pengetahuan yang diharapkan.

Dapatkan aspek penghayatan akhlak pula mendapati tahap akhlak berada pada tahap tinggi secara keseluruhannya dan pada kebanyakan item. Terdapat item yang berada pada tahap sederhana tetapi dari segi keperluan akhlak sepatutnya skor bagi item tersebut sederhana bagi item C31 iaitu ‘*Kebahagiaan di dunia adalah matlamat hidup saya*’. Ini adalah kerana sebagai seorang Islam yang baik sepatutnya menjadikan kebahagian hidup di dunia dan di akhirat sebagai matlamat kehidupan. Walaubagaimanapun sebagai seorang Islam sepatutnya memahami keperluan mendengar alunan al-Quran melebihi lagu-lagu rentak terkini, perlu menyakini bahawa setiap usaha baik yang dilakukan bukanlah perkara yang sia-sia di sisi tuhan, apabila ditimpa ujian kesakitan perlu bersabar dan redha serta merasa gerun apabila berlaku bencana alam seperti tsunami. Pelajar perlu lebih diberikan pendedahan cara berakhlak yang menepati kacamata Islam,

memahami setiap perjalanan kehidupan manusia mempunyai hikmat yang tersendiri dan meletakkan kefahaman ajaran agama sebagai keutamaan.

Kajian memperlihatkan terdapat hubungan yang kuat pengetahuan Pendidikan Islam aspek Akidah serta Muamalat dan Sirah dan hubungan yang sederhana pengetahuan Pendidikan Islam aspek Syariat terhadap penghayatan Akhlak. Dapatkan ini memberikan gambaran pentingnya penguasaan aspek ini dalam pembentukan akhlak pelajar, semakin pelajar menguasainya semakin baik akhlak pelajar. Adalah menjadi tanggungjawab pendidik memastikan aspek ini dikuasai dengan baik seterusnya dihayati dalam kehidupan agar melahirkan generasi lepasan politeknik yang berakhhlak selari dengan hasrat negara melahirkan modal insan kelas pertama. Dapatkan kajian adalah terhad kepada item yang terdapat dalam instrumen kajian ini. Kajian lanjut boleh dijalankan bagi meneroka aspek pemahaman pelaksanaan Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah dalam kajian-kajian lain dengan menggunakan instrumen dan kaedah penyelidikan lain.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri. 2011. *Penghayatan Islam Melalui Amalan Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Kongres Pendidikan Kebangsaan 2011 di Hotel Dynasty Kuala Lumpur anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia pada 4-7 Disember
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. 2013. *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid*. Kertas kajian yang dibentangkan dalam Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character (ReCSTeC 2013) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia di Equatorial Hotel Bangi pada 27-28 Jun
- Asmawati Suhid. 2005. *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Binti Abdul Hamid & Norul Huda Binti Bakar. 2015. Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. JILID II, ISU I (2015) 1–18
- Baharom Mohamad, Ali Suradin & Za'aba Helmi Khamisan. 2008. Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober
- Cohen, J. W. 1988. *Statistical Power Analysis for the Behavior Sciences* (2<sup>nd</sup> edn). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Krejcie, Robert. V., Morgan, dryle. W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. The NEA Research Bulletin, Vol. 38 p.99
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Haji Othman. 2016. Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. 663-676.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Ambotang & Shukri Zain. 2011. Guru Sebagai Pembimbing Pembentuk Sahsiah Pelajar. *Utusan Borneo*, 27 April 2011. Dicapai pada 7 Disember 2016 dalam <http://eprints.ums.edu.my/2910/1/nc0000000477.pdf>
- Muhammad Suhaimi Taat & Mohd Yusof Abdullah. 2014. Impak Pengajaran Dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam Terhadap Motivasi Dan Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)* Vol. 5; 1-17,
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putra Malaysia.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Asma' Wardah Surtahman. 2015. Permasalah Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Selangor: Satu Tinjauan. *Prosiding. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD2015)*. Kuala Lumpur, 12 – 13 Oktober

- Rohana Hamzah, Tengku Norzaini Tengku Ibrahim, Sarimah Ismail & Ros Eliana Ahmad Zuki. 2013. Pembangunan Jiwa Pendidik dalam Kalangan Bakal Pendidik. *Jurnal Teknologi* 61:1. Penerbit UTM Press; hlm 27-31
- Sanger, D., Spilker, A. Williams, N. & Belau, D. 2007. Opinions Of Female Juvenile Delinquents On Communication, Learning And Violence. *Journal of Correctional Education* 58(1): 69-92.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *ISLAMIYYAT* 35(1) 2013: 29 – 38